

12 SEP 2003

Bajet-Cabaran/I

JANGAN LEKA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu berani berdepan dengan pelbagai cabaran global kerana negara tidak akan terlepas daripada kesan pergolakan dunia luar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Walaupun negara telah mencapai kemajuan signifikan sejak mencapai kemerdekaan, beliau berkata rakyat Malaysia tidak boleh leka dengan kejayaan berterusan itu.

"Dunia luar terus bergolak dengan pelbagai ujian dan tribulasi, ancaman dan ugutan serta penindasan dan kekerasan," katanya ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

"Keamanan yang kita harapkan masih kabur, sementara keganasan yang kita tentang belum reda," kata Dr Mahathir yang juga merupakan Menteri Kewangan.

Ketika mengakhiri ucapannya selama tiga jam, beliau berkata rakyat Malaysia tidak boleh leka tetapi sebaliknya mesti berani berdepan dengan semua cabaran itu.

"Kita juga mesti sanggup berkorban, mengetepikan kepentingan diri dan mengelakkan persengketaan antara kita sendiri.

"Kita juga mesti mempertingkatkan toleransi, mengeratkan kerjasama serta memperkukuhkan perpaduan demi menjamin rakyat sejahtera dan masyarakat berharmoni," katanya.

"Saya berdoa kepada Allah S.A.W agar negara tercinta ini terus dirahmati dan dianugerahkan dengan nikmat dan kemuliaan yang berkekalan," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RHM